

Anak Yatim Ceria Terima Sumbangan Raya Daripada Perdana Menteri Dan Isteri Bernama
25 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Seramai 110 anak yatim sekitar Kuala Lumpur yang diraikan dalam satu majlis berbuka puasa malam ini, ceria dapat bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Pada majlis anjuran Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Perkayatim), mereka juga gembira menerima sumbangan yang disampaikan Najib dan Rosmah, yang merupakan Penaung Perkayatim.

Turut menerima sumbangan, empat pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011.

Sebanyak RM237,000 berjaya dikumpulkan Perkayatim mulai Januari hingga Julai tahun ini, dengan RM88,800 diagihkan khas untuk sumbangan Hari Raya.

Bakinya akan digunakan untuk program yang dirancang seperti tuisyen, motivasi, bantuan persekolahan dan lain-lain.

Pada majlis itu, pelajar yang hadir juga mengikuti program pengisian membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan tafsiran serta ceramah khas oleh Ustaz Don Daniyal Don Biyajid.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682949>

